

Arahan : Jawab semua soalan di dalam ruangan yang disediakan menggunakan **huruf kecil**.

KUIZ FESYEN	3
TINGKATAN	1
MATA PELAJARAN	
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI	

1. Antara berikut, yang manakah pernyataan yang **BETUL** bagi teknik cantuman?

A	Proses menterjemah idea dan kreativiti bagi menghasilkan sesuatu produk.
B	Satu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori.
C	Proses mencatum, menyambung atau menyatukan kepingan fabrik
D	Proses penyediaan reka bentuk fesyen boleh dibuat dengan pelbagai cara menggunakan teknik cantuman dan alatan berbeza

2. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** kaedah teknik cantuman?

A	Pengokot atau stapler
B	Jahitan
C	Sulaman
D	Tampalan

3. *Applique* merupakan istilah bahasa Inggeris yang merujuk kepada

A	Tampalan fabrik
B	Tampalan imej
C	Tampal manik
D	Tampal hias

4. Berikut merupakan jenis sulaman menggunakan kaedah sulaman kecuali

A	Benang
B	Tali
C	Manik
D	Labuci

5.



Rajah di atas merupakan satu kaedah sulaman. Apakah jenis sulaman tersebut?

A	Sulaman benang
B	Sulaman tekat
C	Sulaman reben
D	Sulaman <i>applique</i>

6. Padankan teknik cantuman yang berikut dengan penerangan yang betul.

Kaedah Sulaman	Kaedah Jahitan	Kaedah Tampalan	Kaedah Lain
Penerangan			
Digunakan untuk tujuan hiasan bagi menyerlahkan keindahan dan estetika fesyen			
Digunakan untuk menampal susunan bahan pada reka bentuk fesyen			
Digunakan untuk membuat cantuman bagi bahan seperti kertas, plastik dan fabrik dan bersifat sementara			
Teknik Cantuman			

(3 Markah)

7. Tandakan (√) bagi kaedah jahitan yang betul.

Jahitan tangan
Pengokot atau stapler
Jahitan mesin
Jahitan pita selofan

(2 Markah)